

## Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal

*(The Reality of Poverty: A Theoretical Study)*

**Norzita Jamil**

**Siti Hadijah Che Mat**

Pusat Pengajian Ekonomi dan Kewangan  
Universiti Utara Malaysia

### ABSTRAK

Artikel ini akan membincangkan kaedah atau metodologi baru bagi mengenalpasti isi rumah miskin berdasarkan realiti sebenar kemiskinan. Dalam konteks kemiskinan di Malaysia, kemiskinan dijelaskan melalui perspektif kewangan atau pendapatan. Melalui konsep ini kemiskinan terbahagi kepada dua iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Walaupun begitu, kemiskinan yang kerap dirujuk di Malaysia ialah kemiskinan mutlak kerana pendapatan isi rumah dibandingkan dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pengukuran jenis ini iaitu menggunakan kaedah pendapatan dalam mengenalpasti individu atau isi rumah miskin disebut juga sebagai pengukuran unidimensi. Berbeza dengan pengukuran unidimensi, pengukuran kemiskinan menggunakan kaedah multidimensi belum lagi digunakan dan belum dijadikan asas kepada pembuat dasar untuk membasmi kemiskinan. Pengukuran kemiskinan multidimensi ini lebih kepada langkah-langkah mengenalpasti "siapa yang miskin" berdasarkan kekurangan yang dialami oleh isi rumah dalam setiap dimensi. Dengan pengukuran kemiskinan multidimensi ini, identiti atau ciri-ciri orang yang miskin wujud pada dua tahap atau peringkat. Tahap pertama ialah mengenalpasti kekurangan individu dalam setiap dimensi dan yang kedua melibatkan definisi kemiskinan menerusi semua dimensi. Kemiskinan multidimensi, merupakan satu kaedah pengukuran kemiskinan baru yang membolehkan kita melihat kekurangan sebenar ataupun realiti kemiskinan yang dialami oleh sesebuah isi rumah itu.

*Kata kunci: Kemiskinan; dimensi kekurangan; ukuran unidimensi; ukuran multidimensi.*

### ABSTRACT

This article will discuss the methods or methodologies to identify poor households based on the reality of poverty in Malaysia. In Malaysia the context of poverty is explained through a financial perspective or income. Through this concept, poverty is divided into two, absolute poverty and relative poverty. However, poverty in Malaysia is often referred to as absolute poverty income households compared with Poverty Line Income (PLI). This type of measurement, using the income method in identifying an individual or household poor also as a measurement of unidimension. In contrast to the unidimension measurement, measurement of poverty using the multidimensional poverty measure is no longer in use and not as a basic for policy makers to alleviate poverty. The measurement of multidimensional poverty is more on measures and identify "who is poor" based on the shortage experienced by households in each dimension. With this multidimensional poverty measurement, identity or characteristics of the poor exist on two levels or stages. The first stage is the identification of the individual in each dimension and the second involves the definition of poverty through all dimensions. Multidimensional poverty, is a new poverty measurement method that allows us to see a real shortage or reality of poverty experienced by a householder.

*Keywords: Poverty; dimension shortage; measurement of unidimension; measurement of multidimensional.*

### PENDAHULUAN

Kemiskinan merupakan situasi serba kekurangan yang terjadi bukan atas kehendak dan kerelaan setiap isi rumah miskin. Pengenalan isi rumah miskin ini boleh dikenalpasti berdasarkan kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, tingkat pendidikan yang rendah, tidak memiliki harta benda, tidak sihat tubuh badan,

kekurangan makanan dan pakaian, tiada tempat tinggal yang selesa dan tiada pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup. Kesemua keadaan ini akan menyebabkan isi rumah tiada daya upaya untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan jika tiada bantuan dan sokongan daripada pihak yang berkuasa. Permasalahan kemiskinan ini jika tidak dikawal dan dibasmi mampu menggugat kestabilan ekonomi dan politik sesebuah



negara. Ini kerana mati kelaparan, kekurangan makanan, penyakit dan kekurangan pendidikan dalam kalangan orang ramai boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke lembah penjenayahan untuk menikmati hidup dalam kemewahan (Nor Ghani 1984).

Selain itu, kemiskinan juga boleh dijadikan senjata yang mampu memusnahkan manusia dan negara. Mengambil contoh dalam percaturan politik dunia, ekonomi sering dijadikan senjata bagi meruntuhkan sesebuah kerajaan yang memerintah. Buktinya, apa yang berlaku pada tahun 1997 dan 1998, akibat spekulasi di pasaran mata wang antarabangsa, banyak negara yang rancak membangun antaranya Korea Selatan, Thailand dan Indonesia berhadapan dengan masalah kewangan, begitu juga halnya dengan Malaysia.

Dewasa ini, insiden kemiskinan secara umumnya menunjukkan tren penurunan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa kehidupan manusia yang semakin selesa. Senario kemiskinan dunia menunjukkan penurunan daripada 31.1 peratus pada tahun 2002 kepada 22.7 peratus pada tahun 2008. Ini berdasarkan Nisbah Kiraan Kepala pada USD1.25 sehari (World Bank 2012). Begitu juga kesnya bagi Malaysia iaitu tren kemiskinan juga menurun mengikut tahun. Walaupun situasi ini boleh dibanggakan namun yang pasti kejayaan dan kemajuan ekonomi akan menyebabkan satu golongan akan bertambah kaya dan satu golongan lagi agak ketinggalan.

Oleh itu, jurang perbezaan kemiskinan yang masih wujud ini adalah membimbangkan kerana kemiskinan akan terus menjana kemiskinan dalam satu kitaran ganas kemiskinan (*vicious cycle of poverty*). Kitaran ganas kemiskinan ini merujuk kepada keadaan kemiskinan atau perangkap kemiskinan. Keadaan ini boleh diumpamakan kemiskinan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Situasi ini akan menghasilkan keadaan kemiskinan yang berterusan dalam kalangan kelompok masyarakat berkenaan tanpa harapan untuk keluar daripadanya. Maka di sinilah peranan pihak berkuasa amat penting supaya isi rumah miskin dapat keluar dari lingkaran kemiskinan. Namun begitu perlu ditegaskan bahawa, tidak akan berjaya usaha memerangi kemiskinan jika satu pihak sahaja yang memainkan peranan. Isi rumah miskin itu sendiri perlu berusaha untuk mengubah taraf hidup ke arah yang lebih baik dan selesa.

Perbincangan awal ini menekankan aspek tafsiran kemiskinan secara umum dan risiko kemiskinan jika tidak dibendung dan dibasmi dengan sewajarnya. Perbincangan seterusnya adalah tertumpu kepada ukuran kemiskinan di Malaysia, tafsiran kemiskinan dari sudut unidimensi dan tafsiran kemiskinan dari sudut multidimensi.

#### UKURAN KEMISKINAN DI MALAYSIA

Dalam konteks kemiskinan di Malaysia, kemiskinan dijelaskan melalui perspektif kewangan atau pendapatan. Melalui konsep ini kemiskinan terbahagi kepada

dua iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif (RMK-5). Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan di mana seseorang individu atau isi rumah yang tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas bagi menikmati kesejahteraan hidup yang minimum dan munasabah. Keperluan asas ini adalah makanan, pakaian, tempat kediaman, pendidikan dan perubatan. Kemiskinan mutlak diukur dengan menggunakan perbandingan antara pendapatan sekumpulan isi rumah dengan satu tahap yang dipanggil Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK ini ditentukan berasaskan kepada taraf hidup penduduk negara ini. PGK merupakan satu jumlah pendapatan minimum untuk membolehkan sesebuah isi rumah, secara purata, menampung keperluan makanan, pakaian dan perbelanjaan asas seperti sewa, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan dan rekreasi. Sementara darjah kemiskinan pula ditentukan berdasarkan tingkat pendapatan yang diterima dengan PGK iaitu miskin atau tidak miskin. Konsep kemiskinan relatif pula boleh dikaitkan dengan agihan pendapatan. Agihan pendapatan dapat menunjukkan tingkat kebajikan seseorang individu, iaitu dengan membuat perbandingan tingkat kebajikan individu tersebut dengan tingkat kebajikan orang lain. Kemiskinan relatif ini akan sentiasa wujud dan tidak mungkin dapat dihapuskan selagi mana wujud ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan. Lagi tinggi ketidakseimbangan pendapatan lagi serius masalah kemiskinan relatif walaupun kemiskinan mutlak telah dibasmi sepenuhnya.

Maka berdasarkan teori kemiskinan ini, kemiskinan yang kerap dirujuk di Malaysia ialah kemiskinan mutlak kerana pendapatan isi rumah dibandingkan dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Jika pendapatan bulanan sesebuah isi rumah adalah kurang daripada PGK maka isi rumah ini dianggap miskin. Peratusan isi rumah miskin dalam keseluruhan bilangan isi rumah yang terdapat di Malaysia dirujuk sebagai insiden kemiskinan. Secara ringkasnya, kedua-dua konsep ini mempunyai implikasi politik dan sosial yang berbeza berdasarkan fokus dan matlamat pengukuran yang berbeza iaitu konsep kemiskinan mutlak mempunyai hubungan dengan konsep keperluan asas, manakala kemiskinan relatif merujuk kepada agihan pendapatan. Oleh itu konsep kemiskinan relatif ini boleh menjelaskan lagi keadaan sosio-ekonomi masyarakat iaitu ketaksamaan ekonomi dan sosial dalam sesebuah masyarakat berbanding konsep kemiskinan mutlak.

Walau bagaimanapun, konsep kemiskinan seperti yang diterangkan ini dianggap sempit oleh Mohamed Saladin et al. (2011a, 2011b), mereka mengatakan konsep ini mengabaikan aspek-aspek kemiskinan penting yang lain seperti kemudahancaman (*vulnerability*) dan pengasingan sosial. Usaha perlu dilakukan untuk mengambilkira pelbagai faktor dan proses serta halangan bagi meningkatkan keupayaan kehidupan golongan miskin ke arah yang lebih baik sama ada dari segi ekonomi, ekologi dan sosial.

JADUAL 1. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan kadar kemiskinan mengikut wilayah di Malaysia, 2004 dan 2009

Wilayah	2004 (RM)		2009 (RM)		Kadar Kemiskinan %		Miskin tegar %	
	PGK Purata	PGK Perkapita	PGK Purata	PGK Perkapita	2004	2009	2004	2009
Semenanjung Malaysia	661	152	763	194	3.6	2.0	0.7	–
Sabah*	888	173	1048	225	23.0	19.0	6.5	4.7
Sarawak	765	167	912	208	7.5	5.3	1.1	1.0
Malaysia	691	155	800	198	5.7	3.8	1.2	0.7

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2010)

Nota: \* Termasuk W. P. Labuan

– Data tidak dapat diperolehi

Oleh itu, dapat diringkaskan bahawa terdapat pelbagai dimensi kemiskinan atau kekurangan bagi menjelaskan konsep kemiskinan (Chamhuri Siwar & Mohd Hafilah Piei 1998). Isu-isu kemiskinan ini adalah persoalan sejagat masyarakat seluruh dunia. Keadaan hidup masyarakat di Malaysia berbeza-beza dengan negara lain yang tentunya memberikan tafsiran yang berbeza terhadap konsep kemiskinan. Tidak ada definisi yang tepat dalam menggambarkan kemiskinan, Oleh itu wujud tafsiran yang berbeza-beza mengenai isu ini. Umpamanya tafsiran miskin di negara maju adalah berkaitan dengan golongan tertentu yang tidak mampu menampung kehidupan yang setara dengan golongan yang mempunyai taraf hidup dan pendapatan yang tinggi. Di negara sedang membangun pula, hal ini merujuk kepada keadaan yang lebih ekstrem seperti kelaparan, kebuluran, tidak ada tempat tinggal, menganggur, mengemis, kekurangan zat makanan dan kalori.

Artikel ini akan mengupas aspek kemiskinan yang melangkaui kemiskinan dari sudut pendapatan. Ini kerana kemiskinan bukan hanya disebabkan oleh kekurangan pendapatan untuk memenuhi keperluan minimum sesebuah keluarga bagi meneruskan kehidupan tetapi kemiskinan juga boleh dikaitkan atau dihalusi dengan melihat aspek-aspek kekurangan lain seperti tempat tinggal yang tidak sempurna, kekurangan makanan, tiada pakaian yang berganti, tidak mendapat pendidikan, keadaan kesihatan yang teruk, taraf hidup yang rendah, tidak memiliki sebarang aset atau harta benda, tidak mempunyai peluang yang sama bagi setiap isi rumah untuk membuat keputusan dan kekurangan motivasi diri untuk berubah menjadi individu yang lebih baik pada masa hadapan.

Sebelum membincangkan aspek tumpuan kajian iaitu menganalisis kemiskinan dari sudut kekurangan seperti yang dinyatakan sebelum ini, perlu difahami terlebih dahulu konsep dan ciri-ciri PGK di Malaysia. Jadual 1 menunjukkan PGK dan kadar kemiskinan mengikut wilayah di Malaysia bagi tahun 2004 dan 2009. Berdasarkan Jadual 1 ini, PGK bagi Semenanjung Malaysia pada tahun 2004 adalah sebanyak RM661 sebulan, sementara bagi Sabah dan Sarawak masing-masing ialah RM888 dan RM765 sebulan. Bagi tahun

2009, nilai PGK telah meningkat kepada RM763 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dengan saiz purata isi rumah 4.4 orang. Manakala bagi Sabah, PGK adalah RM1048 sebulan bagi saiz purata isi rumah 5.0, dan bagi Sarawak, PGK adalah RM912 dengan saiz purata isi rumah 4.7.

PGK ialah pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah (IR) bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. PGK diperlukan untuk mengenalpasti bilangan isi rumah miskin dan mengukur insiden kemiskinan. PGK keseluruhan terdiri daripada PGK makanan dan PGK bukan makanan. Jadual 2 menunjukkan komponen asas makanan untuk penentuan PGK makanan setelah mendapatkan harga runcit bagi barangan tersebut. Sementara Jadual 3 merupakan komponen asas bukan makanan.

Bagi komponen makanan, perbelanjaan minimum adalah berdasarkan kepada keperluan harian sebanyak 9,910 kalori sehari untuk seisi rumah yang mengandungi lima orang. Keperluan minimum untuk pakaian dan alas kaki adalah berdasarkan piawaian yang ditentukan oleh

JADUAL 2. Komponen asas makanan untuk penentuan PGK makanan di Malaysia

Jenis Makanan	
Produk Bijirin:	- Beras - Tepung Gandum - Biskut Kering
Daging, Telur dan Ikan:	- Daging - Telur - Ikan
Susu:	- Susu Tepung - Susu lemak manis
Kecacang:	- Kacang hijau - <i>Dhall</i>
Minyak dan Lelemak:	- Minyak masa - Marjerin
Gula:	- <i>Granulated, white</i>
Sayuran dan buah-buahan	- sayuran dedaun hijau buah-buahan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2010)

JADUAL 3. Komponen asas bukan makanan

Jenis Barangan/Perkhidmatan
– pakaian dan kasut/alas kaki
– perumahan
– sewa dan kuasa bahan api
– pengangkutan dan telekomunikasi
– perbelanjaan perubatan dan kesihatan
– pendidikan dan kebudayaan
– perkhidmatan rekreasi

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2010)

Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk rumah kebajikan. Butiran bukan makanan yang lain adalah berdasarkan tahap perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah seperti yang dilaporkan dalam Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah. Berdasarkan ciri-ciri PGK ini, maka nilai PGK yang digunakan adalah dirasakan terlalu rendah untuk mengukur tahap dan insiden kemiskinan Malaysia pada masa sekarang. Maka, konsep kemiskinan dan nilai PGK perlu dikaji semula supaya ia lebih objektif, mudah difahami dan dilaksanakan serta menepati sasaran (Haflah 2004).

Berdasarkan kepada senario ini, adalah lebih mudah untuk mengenalpasti isi rumah miskin berdasarkan ciri-ciri kekurangan atau masalah yang mereka hadapi berbanding mengenalpasti isi rumah miskin berdasarkan pendapatan bulanan mereka. Ciri-ciri kekurangan ini, atau selepas ini, kajian akan menggunakan istilah “dimensi kekurangan” yang dianggap penting dan dapat mengenalpasti isi rumah miskin dengan lebih tepat adalah dimensi makanan, ciri-ciri rumah yang didiami, pakaian, pemilikan aset, pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Setiap dimensi ini tidak akan dipengaruhi oleh tingkat harga dan boleh diaplikasikan bagi keseluruhan isi rumah di Malaysia tanpa mengira di mana isi rumah itu berada.

#### KEMISKINAN DARI SUDUT UNIDIMENSI

Ukuran kemiskinan unidimensi atau ukuran kemiskinan yang menggunakan pendekatan kewangan adalah suatu pendekatan yang sering diaplikasikan di banyak negara. Secara khususnya kemiskinan bermaksud individu yang tidak mempunyai cukup pendapatan dalam memenuhi kesejahteraan ekonominya ataupun dalam istilah ekonomi dikatakan mengalami kekurangan kebajikan ekonomi (Ravallion 1998). Pengukuran jenis ini berdasarkan pendekatan kemiskinan mutlak dan pendekatan kemiskinan relatif. Kedua-dua jenis pendekatan ini berdasarkan kekurangan atau kegagalan dalam mendapatkan sumber fizikal.

Berdasarkan pendekatan unidimensi, kemiskinan boleh dikelaskan kepada beberapa jenis iaitu kemiskinan mutlak, kemiskinan relatif, kadar kemiskinan dan jurang kemiskinan. Walau bagaimanapun konsep yang sering

digunakan adalah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Konsep kemiskinan mutlak telah diperkenalkan oleh Charles Booth pada tahun 1887, hasil kajian yang dibuat di timur London (Laderchi 2000). Bagi Malaysia pula, konsep kemiskinan mutlak yang diukur berdasarkan PGK telah diperkenalkan pada tahun 1977 sehingga tahun 2005. Kemudian bermula tahun 2005, PGK telah dikemaskini semula supaya lebih komprehensif dan lebih baik dari sebelumnya (EPU 2007). Walaupun begitu ahli ekonomi berpendapat pendekatan ini tidak menggambarkan kemiskinan pelbagai dimensi secara jelas (Mohamed Saladin et al. 2011a).

Pengukuran kemiskinan unidimensi ini menggunakan pembolehubah pendapatan, dan kemudiannya menentukan garis kemiskinan pendapatan (PGK). Walaupun item-item dalam penentuan PGK khususnya di Malaysia termasuk juga pelbagai indikator seperti perbelanjaan makanan; pakaian dan kasut/alas kaki; perumahan; sewa dan kuasa bahan api; pengangkutan dan telekomunikasi; perbelanjaan perubatan dan kesihatan; pendidikan dan kebudayaan; dan perkhidmatan rekreasi, namun semuanya dinilai dalam satu tanda aras atau ambang iaitu dalam bentuk nilai wang yang dikenali sebagai PGK. Oleh itu ukuran kemiskinan unidimensi bermaksud kemiskinan diukur berdasarkan kepada satu dimensi iaitu pendapatan atau kewangan yang dapat memenuhi keperluan minima indikator yang disenaraikan tadi.

Individu yang berada di bawah garis kemiskinan dikatakan miskin. Kaedah unidimensi ini menggunakan satu pembolehubah dimensi dan satu garis pemisah. Pembolehubah dimensi yang digunakan sama ada pendapatan atau perbelanjaan penggunaan, oleh itu sudah tentu interpretasi dan garis pemisah bagi kedua-duanya adalah berbeza. Disebabkan pengukuran jenis ini menggunakan sama ada dimensi pendapatan atau penggunaan, ia melahirkan interpretasi yang berbeza berkaitan kadar kemiskinan maka hasil akhir kajian tidak dapat menggambarkan kadar kemiskinan yang sebenar. Berdasarkan perkembangan dalam mentakrif kemiskinan ini, ramai pengkaji berpendapat pendapatan bukanlah satu proksi yang sempurna dalam mengukur tingkat kesejahteraan penduduk (Fusco 2003). Situasi ini mendorong kepada keperluan satu alternatif baru dalam mentakrif kemiskinan yang lebih komprehensif iaitu pengukuran kemiskinan berdasarkan multidimensi.

Berdasarkan pengukuran unidimensi ini, pengukuran kemiskinan biasanya mempunyai dua tahap. Pertama adalah tahap indentifikasi penduduk yang dikategorikan miskin dan tidak miskin. Individu atau isi rumah yang dikenalpasti sebagai miskin jika mempunyai pendapatan kurang daripada garis ambang (*threshold*) yang dikenali sebagai PGK. Tahap kedua adalah tahap agregat. Iaitu membentuk indeks tunggal bagi menggambarkan keadaan keseluruhan penduduk miskin dalam sesebuah kawasan. Beberapa indeks kemiskinan yang menggambarkan keadaan agregat ini seperti *Headcount Index*, *Poverty Gap Index*, *Poverty Severity Index*, *Sen Index*, *Watts's*



*Index*, *Kakwani Index*, *Foster-Greer-Thorbecke (FGT) Index* dan sebagainya.

Indeks kemiskinan yang baik dapat dilihat daripada beberapa kriteria atau prinsip berikut (Sen 1976; Foster Greer & Thorbecke 1984; dan Rio Group 2006): Kriteria pertama adalah *focus axiom* iaitu indeks atau ukuran kemiskinan yang baik seharusnya tidak dipengaruhi oleh maklumat yang berkaitan dengan penduduk yang tidak miskin; kriteria kedua *monotonicity axiom* iaitu indeks atau ukuran kemiskinan yang baik seharusnya meningkat jika pendapatan penduduk miskin berkurang. Ini bererti ada korelasi antara indeks kemiskinan dengan jarak penduduk miskin dengan garis kemiskinan; Kriteria ketiga *transfer axiom* iaitu perubahan sama ada peningkatan atau pengurangan dalam pendapatan penduduk miskin seharusnya memberi kesan kepada nilai indeks. Maka ukuran kemiskinan yang baik harus bertindakbalas, bagaimana pendapatan diagihkan di antara penduduk miskin; dan yang terakhir *subgroup monotonicity axiom* iaitu jika indeks kemiskinan salah satu bahagian daripada populasi meningkat sementara indeks untuk bahagian populasi yang lain konstan, maka indeks kemiskinan untuk keseluruhan populasi seharusnya meningkat. Oleh itu, berdasarkan prinsip-prinsip berikut ukuran kemiskinan yang mudah seperti *Headcount Index* dan *Poverty Gap Index* yang telah digunakan semenjak dahulu lagi, didapati mempunyai kelemahan dalam menjelaskan realiti kemiskinan yang sebenar agar bersesuaian dengan dasar yang dibentuk.

Berdasarkan pendekatan keperluan dasar, terdapat tiga ukuran yang menjadi indikator kemiskinan iaitu, ukuran insiden kemiskinan (*poverty incidence*), ukuran jurang kemiskinan (*poverty gap*) dan ukuran keparahan kemiskinan (*poverty severity*). Ukuran insiden kemiskinan menggambarkan kemiskinan dalam sesebuah masyarakat. Indikator kemiskinan yang ditunjukkan adalah Nisbah Kiraan Kepala (*Headcount Ratio*), iaitu peratusan penduduk miskin yang berada di PGK. Penggunaan PGK ini mempunyai beberapa kelemahan iaitu tidak dapat melihat jurang atau *degree* kemiskinan (Albert & Collado 2004), ia hanya melambangkan nisbah di antara masyarakat yang diklasifikasikan miskin iaitu golongan yang berada di bawah PGK. Penganggaran ini tidak memaparkan realiti sebenar kemiskinan, sebaliknya hanya situasi kemiskinan secara relatif. Penganggaran sebegini agak mudah dianalisis dan kerap kali digunakan di kebanyakan negara (Nanthakumar & Thirunaukarasu 2005).

Walaupun indeks ini merupakan petunjuk yang mudah dan elok untuk membuat perbandingan, tetapi ia tidak mengira berapa besar perbezaan kemiskinan di antara individu. Berdasarkan Makoka et al. (2005) pengukuran kemiskinan menggunakan kaedah ini mempunyai kelemahan iaitu, pertama, mengabaikan perbezaan kesejahteraan antara isi rumah yang miskin berdasarkan andaian setiap isi rumah miskin berada dalam situasi yang sama. Kedua, indeks ini tidak sensitif

ke atas perubahan dalam kesejahteraan individu asalkan isi rumah tersebut berada di bawah PGK. Ini bermakna ukuran ini tidak berubah walaupun seseorang penduduk miskin menjadi lebih miskin atau menjadi lebih sejahtera, selama mana individu tersebut berada di bawah PGK. Dan ketiga, indeks ini tidak mengambil kira kecenderungan kemiskinan dalam pengiraan tersebut. Di samping itu, berdasarkan kriteria indeks kemiskinan yang baik yang dijelaskan sebelum ini, *Headcount Ratio* mempunyai kelemahan. Kelemahan tersebut adalah, walaupun indeks ini memenuhi *focus axiom*, tetapi tidak memenuhi kriteria *monotonicity axiom* dan *transfer axiom*. Ini bermaksud indeks ini tidak menjelaskan kedalaman kemiskinan serta tidak mempertimbangkan sama sekali aspek agihan pendapatan penduduk miskin (Fusco 2003).

Untuk mengatasi masalah yang telah dinyatakan tadi, Indeks Jurang Kemiskinan (*Poverty Gap Index*) telah dibangunkan antaranya oleh Foster et al. (1984) iaitu indeks jurang kemiskinan kuasa dua. Ukuran jurang kemiskinan pula menggambarkan sejauh mana pendapatan penduduk miskin jatuh di bawah PGK iaitu mengukur kedalaman kemiskinan. Kemiskinan dengan ukuran ini ditunjukkan oleh *Poverty Gap Index* (I). Ia merupakan ukuran perbezaan pendapatan isi rumah miskin dengan PGK. Semakin tinggi nilai indeks semakin jauh jurang pendapatan penduduk daripada PGK. Jurang kemiskinan ini diperolehi melalui pengiraan perbezaan antara pendapatan kasar bulanan isi rumah dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kebaikan jurang kemiskinan pendapatan ini ialah ia mampu mengenalpasti jumlah pendapatan yang diperlukan untuk meningkatkan pendapatan mereka yang miskin untuk mencapai ke garis kemiskinan iaitu jumlah minimum pendapatan minimum yang diperlukan untuk menghapuskan kemiskinan.

Walau bagaimanapun, ukuran ini tidak menggambarkan jumlah penduduk miskin dan tidak dapat menunjukkan agihan antara penduduk miskin dan penduduk yang kaya yang secara seimbang (Albert & Collado 2004). Selain itu, walaupun indeks ini memenuhi kriteria *focus axiom* dan *monotonicity axiom* tetapi tidak memenuhi *transfer axiom*. Jika orang yang paling tinggi pendapatannya dalam kelompok penduduk miskin meningkat pendapatannya sehingga keluar dari kemiskinan maka nilai indeks akan bertambah padahal *headcount index* akan menurun. Ini bertentangan dengan kriteria *transfer axiom*.

Indikator ketiga iaitu ukuran *poverty severity* pula menunjukkan betapa parah tahap kemiskinan dengan memberi nilai yang tinggi bagi jurang kemiskinan yang lebih miskin berbanding yang kurang miskin. Indikator kemiskinan ini ditunjukkan oleh *Poverty Severity Index* (Indeks Keparahan Kemiskinan Kuasa Dua) yang memberi gambaran kepada perubahan dalam agihan pendapatan dalam kalangan yang miskin. Indeks Keparahan Kemiskinan Kuasa Dua ini juga dikenali sebagai Foster, Greer, Thorbecke (FGT) Index. Semakin tinggi nilai indeks semakin tinggi nilai ketaksamaan

pendapatan di antara penduduk miskin. Namun ukuran ini tidak melihat jumlah penduduk miskin. Roslan (2004) juga menegaskan indeks yang baik bagi mengukur kemiskinan adalah ukuran kemiskinan perlulah dapat menunjukkan agihan pendapatan dalam kalangan mereka yang miskin.

#### KEMISKINAN DARI SUDUT MULTIDIMENSI

Salah satu alternatif bagi menggantikan ukuran kemiskinan menggunakan kaedah pendapatan adalah ukuran kemiskinan multidimensi. Pengukuran kemiskinan multidimensi ini lebih kepada langkah-langkah mengenal pasti "siapa yang miskin" (Alkire & Foster 2011). Pengukuran kemiskinan multidimensi ini telah dijalankan di beberapa negara walaupun menggunakan kaedah yang berbeza contohnya kajian Notten (2008) di Republik Congo; Naveed dan Tanweer-ur-Islam (2010) di Pakistan; Mussard dan Alperin (2008) di Argentina; Wagle (2005) di Kathmandu, Nepal; Bourguignon dan Chakravarty (2003) di Brazil; dan Housseima dan Jaleddine (2012) di Tunisia.

Umum mengetahui bahawa golongan miskin merupakan masyarakat yang memerlukan bantuan agar mereka dapat keluar daripada perangkap kemiskinan. Oleh itu, ukuran bagi kemiskinan haruslah tepat bagi menggambarkan realiti sebenar kemiskinan. Ini kerana ia akan memberi kefahaman yang jelas berkaitan dengan kemiskinan agar dasar-dasar yang akan dibentuk diyakini akan dapat menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi (Alkire & Foster 2011). Pada tahun 1997, *Human Development Report* dan 2000/1 *World Development Report* menyatakan bahawa kemiskinan sebagai fenomena pelbagai dimensi. Manakala *Millenium Declaration* dan MDGs mula membincangkan isu kemiskinan dalam pelbagai dimensi sejak tahun 2000 lagi.

Salah satu kaedah pengukuran kemiskinan multidimensi adalah menggunakan Kaedah Alkire dan Foster (Kaedah AF). Ukuran kemiskinan menggunakan Kaedah AF mengandungi dimensi kemiskinan seperti taraf hidup, pendidikan dan kesihatan; garis pemisah dimensi pula digunakan bagi menentukan siapa yang miskin dalam dimensi tersebut; dimensi berpembarat pula digunakan bagi menunjukkan kepentingan relatif bagi setiap kekurangan dalam dimensi yang berbeza; dan garis pemisah kemiskinan digunakan untuk menentukan siapa yang mengalami cukup kekurangan supaya boleh diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi. Kaedah ini diyakini dapat mengenalpasti siapa yang miskin dan seterusnya akan dapat menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi (Alkire & Foster 2011).

Santos dan Ura (2008) telah mengaplikasikan Kaedah AF dalam kajian mereka ke atas Bhutan. Kajian dilakukan di kawasan luar bandar dan bandar. Lima dimensi telah digunakan iaitu pendapatan, pendidikan,

jumlah bilik yang ada, akses kepada elektrik dan air minuman. Dua lagi dimensi tambahan hanya dianalisis di kawasan luar bandar sahaja iaitu akses kepada jalan raya dan pemilikan tanah. Tambahan dimensi berdasarkan kawasan kajian ini membuktikan bahawa, setiap kawasan, daerah ataupun negara misalnya mempunyai dimensi kemiskinan yang berbeza. Setiap dimensi ini memainkan peranan penting dalam memberi maklumat kekurangan yang dialami oleh penduduk di sesuatu tempat.

Ukuran kemiskinan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dirasakan terlalu sempit ukurannya dan tidak menggambarkan kemiskinan sebenar. Individu yang mempunyai pendapatan di bawah PGK dikatakan miskin. Adakah ini menggambarkan kemiskinan yang sebenar? Kemiskinan seharusnya dilihat dan dianalisa dari pelbagai sudut atau dimensi agar tafsiran kemiskinan itu lebih tepat dan dapat menggambarkan keadaan kemiskinan sebenar. Berikut dihuraikan kajian-kajian yang dibuat menggunakan pendekatan multidimensi berbanding satu dimensi.

Wagle (2004) membuat kajian di Amerika Syarikat mengenai dimensi kemiskinan yang dilihat dari segi kesejahteraan ekonomi; kemampuan (*capability*); dan sosial. Sementara itu komponen sosial ialah ekonomi, politik dan budaya/sivik. Justeru itu, beliau melihat dimensi kemiskinan kepada lima dimensi ini. Seterusnya beliau membahagikan status kemiskinan kepada empat status berikut. Pertama, miskin: miskin jika hanya miskin dari sudut kesejahteraan ekonomi atau hanya miskin dari segi kemampuan atau hanya miskin dari segi sosial sahaja. Kedua, sangat miskin; sangat miskin jika miskin dua daripada 3 dimensi kemiskinan. Ketiga, kemelantaran (*abject poor*): *Abject poor* pula apabila miskin dari segi ketiga-tiga dimensi kemiskinan tersebut. Keempat, tidak miskin: tidak termasuk dalam mana-mana dimensi kemiskinan yang dikaji. Selain itu Wagle juga menghuraikan ciri-ciri kemiskinan seperti berikut; Pertama, penentu penting kepada kemiskinan adalah bangsa/kaum, jantina, kelahiran (*nativity*), saiz isi rumah, dan status perkahwinan. Kedua, golongan kulit hitam dan Hispanic adalah paling miskin iaitu peratus kemiskinan kepada keseluruhan kemiskinan paling tinggi. Ketiga, ketua keluarga adalah wanita. Keempat, mereka yang dilahirkan di luar US. Kelima, keluarga yang besar dan mempunyai ramai anak, walau bagaimanapun peratus kemiskinan kepada keseluruhan kemiskinan adalah paling rendah. Keenam, mereka yang tidak pernah berkahwin dan janda/duda.

Asselin dan Anh, (2010) membuat kajian mengenai petunjuk kemiskinan di Vietnam. Antara petunjuk/indikator yang digunakan adalah pengangguran, penyakit yang serius, golongan dewasa yang tidak dapat membaca, menulis dan mengira (buta huruf), kanak-kanak yang tidak bersekolah, tiada radio dan TV, jenis kediaman, air minuman dan sanitasi/tandas. Daripada petunjuk ini boleh dikenalpasti asas kemampuan manusia (*basic human capabilities*) iaitu; kemampuan untuk mencipta

pendapatan, kemampuan untuk mendapatkan pelajaran dan komunikasi dan kemampuan untuk hidup sihat. Secara ringkasnya, kajian ini menjelaskan konsep kemiskinan manusia dan kemiskinan fizikal. Walau bagaimanapun, Asselin dan Anh mendapati agak sukar untuk menerangkan kemiskinan sosio-ekonomi secara jelas tanpa ukuran agregat ke atas kemiskinan manusia dan kemiskinan fizikal. Oleh itu, mereka menggunakan petunjuk komposit. Untuk membentuk petunjuk komposit bagi lapan indikator tersebut, mereka menggunakan *Multiple Correspondence Analysis* (MCA). Petunjuk komposit ini dibahagikan kepada dua sub-indikator iaitu aset manusia (pekerjaan, kesakitan, buta huruf, persekolahan) dan aset fizikal (radio dan tv, kediaman, air minuman, tandas).

Kajian kemiskinan multidimensi ini turut menarik minat Mussard and Alperin (2008), iaitu mereka memperkenalkan satu metodologi baru untuk mengukur ketidakseimbangan dalam kemiskinan multidimensi di antara kumpulan populasi dan dimensi. Kajian dilakukan di Argentina pada tahun 1998 ke atas 28,511 isi rumah. Pembolehubah yang dikaji adalah: jenis pekerjaan dan lokasi tempat tinggal isi rumah, jenis rumah, saiz isi rumah, ciri-ciri tandas, jumlah pendapatan isi rumah, tahap pendidikan, pekerjaan yang stabil, sumbangan sosial, nisbah bilangan isi rumah dengan jumlah pendapatan. Dapatan kajian menunjukkan dimensi utama yang menyumbang kepada ketidakseimbangan kemiskinan adalah ciri-ciri tandas, saiz isi rumah, pekerjaan yang stabil dan *flowing characteristic*.

Deutsch dan Silber (2005) membuat perbandingan pendekatan dalam menganalisis kemiskinan multidimensi berdasarkan empat pendekatan iaitu *fuzzy set*, *theory maklumat*, analisis kecekapan dan pendekatan *axiomatic*. Keempat-empat pendekatan menunjukkan kemiskinan berkurang dengan tahap persekolahan ketua isi rumah dan kemiskinan meningkat dengan bilangan ahli isi rumah meningkat. Selain itu, kemiskinan adalah tinggi jika ketua isi rumah adalah individu (hanya ada ayah atau ibu), dan kemiskinan adalah rendah jika ketua isi rumah berkahwin. Bagi Housseima dan Jaleddine (2012) yang membuat kajian di Tunisia pula mendapati kemiskinan multidimensi yang tinggi dalam kalangan ketua isi rumah wanita, ketua isi berumur 35 – 44 tahun dan ketua isi rumah yang tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi.

Sementara itu, Naveed dan Tanweer-ul-Islam (2010) membuat kajian kemiskinan multidimensi di Pakistan khususnya dalam konteks *Millenium Development Goal* (MDGs). Mereka memilih dua wilayah iaitu Khyber-Pakhtoonkhwah dan Punjab. Hasil kajian, mereka mendapati penggunaan pendekatan kewangan dalam mengukur kadar kemiskinan mempunyai batasan iaitu sukar mengenalpasti kadar kemiskinan yang sebenar. Oleh itu, mereka telah menggunakan ukuran kemiskinan menggunakan ukuran kemiskinan multidimensi untuk mengenalpasti siapa yang miskin. Indikator kemiskinan

yang dikenalpasti seperti pendidikan, kesihatan, tempat tinggal/rumah, elektrik, akses kepada air minuman yang selamat, sanitasi, mata pencarian (*livelihood*), status anak, bahan api untuk memasak dan kualiti air dan pemilikan tanah.

Notten (2008) pula membuat kajian di Republik Congo. Kajian ini cuba mengenalpasti corak kemiskinan rakyat Congo dan bagaimana ia berbeza di antara wanita, lelaki dan kanak-kanak (kemiskinan individu). Kajian dilakukan pada tahun 2005. Maklumat yang dikumpul termasuklah perbelanjaan isi rumah, keadaan tempat tinggal, dan ciri-ciri individu. Lapan indikator kesejahteraan yang dikaji adalah wang atau pendapatan (tahap isi rumah), Pendidikan (tahap individu), Nutrisi (tahap isi rumah), Kesihatan (tahap individu), Pekerjaan (tahap individu), Air dan sanitasi (tahap isi rumah), Rumah/tempat tinggal (tahap isi rumah) dan *Integration* (hubungan) (tahap isi rumah). Kajian Notten ini mendapati dimensi kemiskinan yang paling miskin adalah rumah, diikuti air dan sanitasi, serta kemiskinan dari segi kewangan atau pendapatan. Seterusnya kajian ini mendapati jumlah kanak-kanak dan wanita yang miskin lebih tinggi daripada kaum lelaki. Bagi setiap dimensi, kanak-kanak mencatatkan kemiskinan yang tinggi kecuali pekerjaan. Sementara insiden kemiskinan antara bandar dan luar bandar pula menunjukkan kawasan luar bandar mencatatkan kemiskinan yang tinggi berbanding bandar kecuali bagi dimensi pekerjaan. Individu yang tinggal dalam *single parent* (keluarga yang hanya ada ayah atau ibu) – akan menghadapi masalah kemiskinan dari segi nutrisi, kesihatan, air dan sanitasi. Jika dibandingkan antara wanita dan lelaki, bagi setiap dimensi wanita adalah lebih miskin kecuali dalam dimensi air dan sanitasi.

Alkire dan Seth (2009), membuat kajian mengenai kemiskinan di India menggunakan pendekatan ukuran kemiskinan multidimensi (Kaedah Alkire & Foster). Kajian ini melihat sepuluh dimensi ukuran kemiskinan iaitu tanah, perumahan, sekuriti makanan, sanitasi, aset, pendidikan, buruh, pekerjaan, status anak dan pinjaman; dimensi yang paling miskin bagi penduduk India adalah sanitasi, tanah dan pinjaman. Kajian ini mendapati hampir separuh daripada isi rumah miskin dalam sebahagian dimensi yang dinyatakan. Berdasarkan garis kemiskinan pendapatan, isi rumah yang miskin di India yang berada di bawah garis kemiskinan akan diberi kad BPL (*Below Poverty Line*). Hasil kajian mendapati berdasarkan garis pemisah yang ditetapkan, ada isi rumah yang tidak miskin tetapi diberi kad BPL dan ada isi rumah yang miskin tetapi tidak diberi kad BPL. Oleh itu, Alkire dan Seth (2009) menyimpulkan bahawa pengukuran kemiskinan menggunakan kemiskinan multidimensi adalah lebih sesuai digunakan berbanding ukuran kemiskinan unidimensi.

Daripada kajian-kajian lepas berkaitan kemiskinan multidimensi, dapat dirumuskan bahawa secara asasnya ukuran kemiskinan multidimensi dapat menerangkan

dengan lebih jelas lagi realiti kemiskinan yang dialami oleh masyarakat sesebuah negara. Oleh itu, ukuran kemiskinan multidimensi ini amat penting untuk diaplikasikan sebagai satu ukuran baru kemiskinan. Kaedah dan cara mana yang sesuai diaplikasikan perlu dinilai sewajarnya.

#### KEMISKINAN MULTIDIMENSI DI MALAYSIA

Berdasarkan perbincangan awal mengenai kelemahan ukuran kemiskinan unidimensi dan kelebihan ukuran kemiskinan multidimensi, ada di antara pengkaji cuba membuktikan pandangan tersebut. Antaranya Mahmud et al. (2010) telah mengaplikasikan pengukuran kemiskinan multidimensi menggunakan kaedah Fuzzy Index Poverty (FIP) bagi kawasan luar bandar di Terengganu; Siti Hadijah et al. (2012) mengaplikasikan Kaedah Alkire dan Foster (AF) bagi Daerah Baling, Kedah; dan Nadia et al. (2011) mengukur kemiskinan multidimensi dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam.

Apa yang dapat disimpulkan adalah, secara umumnya pengukuran kemiskinan multidimensi memberikan gambaran yang menyeluruh tentang hakikat kemiskinan berbanding pengukuran kemiskinan unidimensi (Mahmud et al. 2010). Bukti menunjukkan bahawa berdasarkan kemiskinan unidimensi kita hanya memperoleh satu nilai yang menunjukkan berapa ramai yang miskin, tetapi berdasarkan ukuran multidimensi kita juga boleh mengetahui dimensi apakah sebenarnya penyumbang utama kepada kemiskinan yang dihadapi (Siti Hadijah et al. 2012). Berbeza pendekatan yang dilakukan oleh Nadia et al. (2011), mereka menggunakan pengukuran kemiskinan multidimensi untuk menganalisis jurang di antara pembangunan dan dasar. Apa yang dibuktikan adalah kebanyakan pelajar dikategorikan sebagai miskin dalam sudut multidimensi (pendidikan, kesihatan dan taraf hidup) namun dapat mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Oleh itu wujud hubungan yang negatif antara pencapaian pelajar dengan pendapatan keluarga pelajar serta kualiti hidup.

Ukuran kemiskinan multidimensi berbeza dengan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) dari segi tafsiran dan juga matlamat akhir untuk tujuan pengubalan dasar kerajaan. Malaysia telah mewujudkan IKHM yang mana pendekatan yang lebih kuantitatif digunakan dalam menilai kualiti hidup. Konsep kualiti hidup melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih baik. Dengan ini, kualiti hidup merangkumi bukan sahaja pembangunan ekonomi tetapi meliputi juga aspek lain seperti sosial, psikologi, kebudayaan, politik dan alam sekitar. Kualiti hidup di Malaysia ditakrifkan sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperoleh pengetahuan

serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara (Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999).

Menurut Haryati Shafii (2010), pengukuran IKHM telah mengambil kira pelbagai dimensi pembangunan, yang mana setiap kelemahan yang sering dilakukan hanya merujuk kepada satu atau beberapa petunjuk pembangunan seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK). Dalam sistem perkiraan ini, semua petunjuk akan diberi tanda positif ataupun negatif. Petunjuk yang dipilih untuk setiap komponen adalah berasaskan sejauh mana ia dapat menggambarkan sesuatu komponen berkenaan dan sejauh mana terdapatnya data siri masa.

Terdapat dua jenis petunjuk dalam menentukan kualiti hidup iaitu petunjuk objektif dan subjektif. Petunjuk objektif menerangkan mengenai keadaan alam sekitar di mana penduduk tinggal, melibatkan isu berkaitan kemudahan dan perumahan. Petunjuk subjektif pula menerangkan mengenai pandangan atau penilaian seseorang mengenai hidupnya. Penghasilan petunjuk ini memerlukan data-data subjektif yang diperolehi daripada penjelasan keadaan objektif yang dialami seseorang. Malah, kesejahteraan hidup adalah merupakan kualiti hidup subjektif kerana kesejahteraan itu adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia (Norizan 2003).

Malaysia dalam usaha untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 memfokus kepada peningkatan kualiti hidup rakyatnya. Kualiti hidup yang tinggi amat penting dalam sesebuah negara kerana ia merupakan antara pengukur yang efektif dalam menilai tahap kemajuan sesebuah komuniti. Secara umumnya, negara paling maju mempunyai tahap kualiti hidup yang terbaik. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) dirangka untuk mengukur perubahan dalam kualiti hidup. IKHM merupakan satu pengukuran komposit berdasarkan sebelas bidang terpilih dan petunjuknya seperti Jadual 4. Petunjuk tersebut dipilih dengan tujuan untuk menyediakan satu ukuran agregat mengenai kualiti hidup di negara ini bagi menilai kesan pembangunan ekonomi ke atas penduduk.

Berdasarkan Laporan Kualiti Hidup 2011 (rujuk Jadual 5), IKHM telah dibentuk dengan mengambil kira data yang meliputi tempoh 2000-2010 dengan menjadikan 2000 sebagai tahun asas. Jelas menunjukkan bagi tempoh tersebut pada keseluruhannya kualiti hidup rakyat Malaysia bertambah baik.

Berdasarkan Jadual 5, secara keseluruhannya, tahap kualiti hidup di Malaysia telah meningkat bagi tempoh 2000-2010, dengan IKHM meningkat sebanyak 11.9 mata. Kesemua 11 komponen IKHM telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun asas. Komponen pendidikan mencatat peningkatan tertinggi sebanyak 20.4 mata, diikuti oleh pengangkutan (20.3 mata) dan komunikasi dan perumahan (15.7 mata) berbanding tahun 2000. Jika dianalisis berdasarkan setiap indikator dapat



JADUAL 4. Komponen indeks kualiti hidup Malaysia

Bidang	Petunjuk
Pendapatan dan pengagihan	KNK per kapita sebenar Angkali gini Kadar kemiskinan
Persekitaran kerja	Kadar pengangguran Pertikaian perusahaan Kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan Kadar kemalangan perusahaan
Pengangkutan dan komunikasi	Motokar dan motosikal persendirian Kenderaan perdagangan Pembangunan jalan raya Telefon Edaran purata akhbar harian
Kesihatan	Jangka hayat semasa lahir (lelaki) Jangka hayat semasa lahir (perempuan) Kadar kematian bayi Nisbah doktor-penduduk Nisbah katil hospital-penduduk
Pendidikan	Kadar penyertaan pra-sekolah Kadar penyertaan sekolah menengah Kadar penyertaan universiti Kadar celik huruf Nisbah guru-pelajar sekolah rendah Nisbah guru-pelajar sekolah menengah
Perumahan	Harga rumah purata Unit rumah kos rendah Unit rumah dengan bekalan air paip Unit rumah dengan bekalan elektrik
Alam sekitar	Kualiti udara Sungai bersih Kawasan berhutan
Kehidupan keluarga	Penceraian Kadar kelahiran kasar Saiz isi rumah Jenayah juvenil
Penyertaan sosial	Pengundi berdaftar Keahlian dalam organisasi sukarela terpilih
Keselamatan awam	Jenayah Kemalangan jalan raya
Budaya dan hiburan	

Sumber: Laporan Kualiti Hidup Malaysia, 2004

dijelaskan bahawa peningkatan sub-indeks pendidikan adalah disumbangkan oleh kadar celik huruf, kadar penyertaan sekolah, nisbah guru pelajar bagi sekolah rendah dan menengah serta peratusan siswazah di sekolah yang lebih baik. Bagi sub-indeks pengangkutan dan komunikasi pula peningkatan adalah disebabkan

perkembangan yang pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi.

Secara ringkasnya indeks kualiti hidup digunakan sebagai ukuran kepada pembangunan iaitu, sejauh mana kemajuan negara dalam meningkatkan kualiti hidup bagi melengkapkan pengukuran kemajuan ekonomi dan sosial yang sedia ada. Kaedah yang digunakan adalah menggabungkan pelbagai petunjuk menjadi satu indeks komposit yang dapat menggambarkan arah aliran serta petunjuk pembangunan negara. Indikator yang dipilih bagi pengiraan IKHM mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat dan rakyat di Malaysia. Indikator ini juga dipilih berdasarkan ketersediaan data siri masa sejak tahun 1990.

Walaupun IKHM memberi gambaran tingkat kesejahteraan dan tingkat kemajuan sesebuah negara namun Indeks Kualiti Hidup Malaysia tidak mencerminkan kemiskinan multidimensi. Ini kerana IKHM tidak menggambarkan keadaan individu atau isi rumah secara langsung berkaitan kesejahteraan hidup mereka. Indeks ini tidak memfokus kepada gambaran kehidupan masyarakat yang ketinggalan (miskin) secara langsung. Ini kerana tumpuan hanya kepada pembangunan yang menyeluruh dan keseimbangan serta sebagai gambaran arah aliran dan petunjuk sejauh mana pembangunan telah dicapai (Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999).

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan berkaitan kaedah pengukuran kemiskinan iaitu pengukuran unidimensi dan multidimensi ini, dapat disimpulkan bahawa wujud beberapa kelemahan yang jelas dalam pengukuran kemiskinan unidimensi seperti tidak dapat melihat jurang atau *degree* kemiskinan, mengabaikan perbezaan kesejahteraan antara isi rumah yang miskin berdasarkan andaian setiap isi rumah miskin berada dalam situasi yang sama. Ukuran ini juga tidak sensitif ke atas perubahan dalam kesejahteraan individu asalkan isi rumah tersebut berada di bawah PGK. Berbeza pendekatan multidimensi yang lebih fleksibel dan bersesuaian dengan situasi kawasan kemiskinan yang hendak dikaji. Setiap dimensi yang dirasakan sesuai dimasukkan sebagai indikator bagi mengukur ukuran kekurangan yang dialami oleh pendudukan dalam sesuatu kawasan. Di samping itu, dimensi dan indikator kekurangan boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian kawasan dan matlamat kajian. Selain daripada itu, wujud perbezaan dari segi kadar kemiskinan secara keseluruhan seperti mana yang dibuktikan oleh Asselin et al. (2010) iaitu kadar kemiskinan kewangan atau pendapatan lebih rendah berbanding kadar kemiskinan berdasarkan multidimensi dan wujud juga golongan yang tidak miskin dari segi pendapatan iaitu unidimensi tetapi dikategorikan miskin dari sudut kemiskinan multidimensi (Naveed et al. 2010).

JADUAL 5. Kualiti hidup Malaysia: Indeks komposit dan indeks mengikut komponen, 2000-2010

Komponen/tahun	1990	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Pendidikan	88.2	100	101.0	102.4	104.1	105.6	106.0	108.3	111.1	115.3	117.9	120.4
Pengangkutan dan komunikasi	90.6	100	102.3	103.8	105.4	107.3	115.2	108.9	110.9	113.4	115.9	120.3
Perumahan	79.9	100	102.2	103.4	103.8	105.9	108.0	110.8	108.4	111.7	113.3	115.7
Kebudayaan dan liburan	92.0	100	95.1	102.8	99.8	102.2	104.5	104.8	106.5	108.6	110.3	113.5
Pendapatan dan Pengagihan	88.4	100	97.7	96.1	96.9	97.6	102.3	107.4	112.2	112.3	112.1	113.3
Keselamatan awam	125.2	100	103.0	105.1	104.5	103.6	109.0	105.9	104.9	107.7	107.8	110.8
Kesihatan	89.3	100	99.7	101.7	104.4	106.2	106.9	108.1	107.8	108.4	109.1	110.5
Penyertaan sosial	95.1	100	101.0	101.0	102.3	103.3	96.8	98.1	101.6	103.5	106.1	110.1
Alam sekitar	107.3	100	101.2	107.1	107.9	106.2	105.3	98.7	100.3	101.9	100.9	106.6
Kehidupan Keluarga	94.9	100	100.3	100.4	101.3	99.0	97.2	100.0	99.0	101.0	100.8	104.6
Persekitaran kerja	80.8	100	99.3	99.3	101.0	103.0	101.2	103.5	106.5	105.7	103.5	104.6
Indeks komposit	93.8	100	100.2	102.1	102.8	103.6	104.8	105.0	106.3	108.1	108.9	111.9

Tahun asas 2000=100

Sumber: Laporan Kualiti Hidup Malaysia, 2011.

#### RUJUKAN

- Albert, J. R. G. & Collado, P. M. 2004. Profile and determinants of poverty in the Philippines. 9<sup>th</sup> National Convention on Statistics (NCS). EDSA Shangri-La Hotel, Oktober 4-5.
- Alkire, S and Foster, J. 2011. Understanding and Misunderstanding of Multidimensional Poverty Measurement. OPHI Working Paper No. 43. University of Oxford.
- Alkire, S. and Seth, S. 2009. Measuring Multidimensional Poverty in India: A New Proposal. OPHI Working Paper No. 15.
- Asselin, L. M. and Anh, V. T. 2010. Multidimensional poverty monitoring: A Methodology and implementation in Vietnam. *Vietnam's Socio-Economic Development Review* 38.
- Bourguignon, F. dan Chakravarty, S. 2003. The Measurement of Multidimensional Poverty. *Journal of Economic Inequality* 1 (1): 25-49
- Chamhuri Siwar dan Mohd Hafiah Piei. 1988. *Dasar dan Strategi Pembasmian Kemiskinan: Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Deutsch, J. dan Silber, J. 2005. Measuring multidimensional poverty: An empirical comparison of various approaches. *The Review of Income and Wealth* 51: 145-174.
- Economic Planning Unit. 2007. *Malaysia: Measuring and Monitoring Poverty and Inequality*. Kuala Lumpur: United Nations Development Programme (UNDP), Malaysia.
- Foster, J., Greer, J. & Thorbecke, E. 1984. A class of decomposable poverty measures. *Econometrica* 52(3): 761-766.
- Fusco, A. 2003. On the definition and measurement of poverty: The contribution of multidimensional poverty. 3<sup>rd</sup> Conference on The Capability Approach: From Sustainable Development to Sustainable Freedom: 7-9 September 2003, University of Pavia.
- Haryati Shafii. 2010. *Tempat Tinggal dan Kualiti Hidup Masyarakat di Bandar*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Housseima, G. & Jaleddine, B. R. 2012. Multidimensional poverty in Tunisia: A non-monetary approach applied to East-Central Tunisia. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* 3(9).
- Kualiti Hidup Malaysia 1999. Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.
- Kualiti Hidup Malaysia 2004. Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.
- Kualiti Hidup Malaysia 2011. Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.
- Laderchi, C. R. 2000. The monetary approach to poverty: A survey of concept and methods. *QEH Paper Series* 58.
- Mahmod Othman, Mohamad Fadhili Yahaya & Shezrin Hawani Amir Hamzah. 2010. Fuzzy Index Poverty (FIP): measuring poverty in rural area of Terengganu. *International Conference on User Science Engineering (i-USER)*.
- Malaysia. 1986. *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.
- Makoka, D. & Kaplan, M. 2005. Poverty and Vulnerability. Term Paper. Interdisciplinary Course International Doctoral Studies Programme. University of Bonn.
- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohd Fauzi Mohd Harun, Ariffin Mohd Salleh dan Noraini Idris. 2011a. Poverty measurement in Malaysia: A survey of the literature. *Akademika* 81(1): 73-81
- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohd Fauzi Mohd Harun, Ariffin Mohd Salleh dan Noraini Idris. 2011b. Poverty measurement in Malaysia zakat institutions: A theoretical survey. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 45(2011): 123-129
- Mohd. Hafiah Piei. 2004. Ukuran Kemiskinan Ketinggalan? *Mingguan Malayisa*, 30 Mei.
- Mussard, S. & Alperin, M. N. P. 2008. Inequalities in multidimensional poverty: evidence from Argentina. *Applied Economics Letters* 15: 759-765.
- Nadia Nabila Ibrahim, Fairuz Nabilla Mohamed Husain & Rahana Abdul Rahman. 2011. The Multidimensional Poverty Index (MPI) and its application in Malaysia: A

- case study UiTM students, Shah Alam Campus. *Prosiding PERKEM VI* 1(2011): 450-467
- Nanthakumar & Thirunaukarasu. 2005. Pola Kemiskinan Dinamik Masyarakat Pulau dan Pesisiran Pantai: Kajian Kes Pulau Perhentian. *Jati* 10: 151-169.
- Naveed, A. dan Tanweer-ul-Islam. 2010. Estimating Multidimensional Poverty and identifying the poor in Pakistan: an Alternative Approach. RECOUP Working Paper No. 28. Research Consortium on Educational Outcomes and Poverty.
- Nor Ghani, M. 1984. *Dimensi Kemiskinan dan Rancangan Pembasmian Kemiskinan. Siri Kumpulan Esei: Ekonomi Pembangunan*. Amir Hussin Baharuddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norizan Abdul Ghani. 2003. Kualiti hidup penduduk pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Tesis Ph. D, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dalam Mohd Shaladin Muda, Nik Wan Omar & Wan Abdul Aziz Mohd Amin. 2006. Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan* 8: 59-78.
- Notten, G. 2008. Multidimensional Poverty in the republic of Congo: Being Poor Simultaneously in Many Ways. BWPI Working Paper 65. Brooks World Poverty Institute.
- Ravallion, M. 1998. Poverty Lines in Theory and Practice. *LMS Working Paper*, 133. The World Bank.
- Rio Group. 2006. Compendium best practice in poverty measurement, Rio de Janeiro, September 2006.
- Roslan, A. H. 2004. Measuring poverty in Malaysia: Applications of distributive-sensitive poverty indices. *Malaysian Management Journal* 8 (1): 25-37.
- Santos, M. E. & Ura, K. 2008. Multidimensional Poverty in Bhutan: Estimates and Policy Implications. *OPHI Working Paper no. 14*.
- Sen, A. 1976. Poverty: An ordinal approach to measurement. *Econometrica* 44(2): 219-231.
- Siti Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim & Siti Norliza Jumali. 2012. Indeks kemiskinan pelbagai dimensi sebagai alternatif pengukuran kemiskinan: Kajian kes di daerah Baling, Kedah. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 46(1): 3-12.
- Unit Perancang Ekonomi. *Perangkaan Pendapatan & kemiskinan Isi Rumah Sepintas Lalu, 2007 & 2009* (Risalah).
- Wagle, U. R. 2004. Multidimensional poverty: An alternative measurement approach for the United States? Working Paper was presented at the 2007 Eastern Economics Association Conference in New York.
- Wagle, U. R. 2005. Mutidimensional poverty measurement with economic well-being, capability, and social inclusion: A case from Kathmandu, Nepal. *Journal of Human Development* 6(3).
- World Bank. 2012. *Annual Report 2012*. Washington: The World Bank.
- Norzita Jamil\*  
Siti Hadijah Che Mat\*\*  
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM-Sintok Kedah  
MALAYSIA
- \*norzita@uum.edu.my  
\*\*hadijah@uum.edu.my